

NO. SOALAN: 405

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MOHD HATTA BIN MD.  
RAMLI  
(KUALA KRAI)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pegawai kadet yang telah ditamatkan perkhidmatan dan jumlah pampasan yang dikenakan atas sebab melanggar syarat ikatan perjanjian - berkahwin dan apakah ada cadangan Kementerian untuk meminda syarat tersebut supaya menjadi lebih selari dengan prinsip Islam.

**JAWAPAN:**

**Pelantikan Pegawai Kadet (PK) adalah di bawah undang-undang Akta Angkatan Tentera 1972, Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) Bil. 1 2009 (A) dan tertakluk kepada Ikatan Perjanjian yang dipersetujui oleh ATM dan PK berkenaan. PK juga bersetuju menerima segala syarat dan peraturan yang termaktub di dalam Ikatan Perjanjian untuk mengikuti pengajian dan latihan di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). PK juga boleh dibatalkan pelantikan dan ditamatkan perkhidmatan jika memungkiri atau melanggar serta tidak mematuhi terma-terma yang telah dipersetujui seperti berikut:**

- a. Meninggalkan pengajian dan latihan sebelum menyempurnakan mengikut tempoh yang ditetapkan.**
- b. Gagal dalam pengajian akademik dan latihan ketenteraan.**
- c. Menunjukkan sikap tidak berminat terhadap pengajian atau latihan ketenteraan.**
- d. Berkahwin semasa tempoh pengajian dan latihan ketenteraan.**

- e. Melakukan kesalahan dan melanggar undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa.

Sehingga kini, jumlah PK UPNM yang telah ditamatkan perkhidmatan kerana melanggar syarat Ikatan Perjanjian atas kesalahan berkahwin dan jumlah ganti rugi adalah seperti berikut:

<b>(a)</b>	<b>Tahun</b>	<b>Pegawai Kadet Yang Terlibat</b>	<b>Jumlah Ganti Rugi (RM)</b>
1.	2010	-	-
2.	2011	-	-
3.	2012	1	100,000.00
4.	2013	2	144,225.10
5.	2014	16	1,121,336.36
<b>6.</b>	<b>Jumlah</b>	<b>19</b>	<b>1,365,561.46</b>

Kementerian tidak berhasrat untuk meminda syarat-syarat pelantikan dan pembatalan pelantikan sedia ada kerana syarat-syarat tersebut adalah kemas, teratur, adil dan saksama bagi tujuan untuk mentadbir, melatih dan membina seorang Pegawai ATM.